

Perwakilan memahami pindaan: PM

08 29 OCT 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perlembagaan Umno diluluskan oleh perwakilan dengan lancar kerana mereka sudah memahami perkara-perkara yang dipinda, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, perwakilan diberi penjelasan mengenai pindaan itu dalam perjumpaan tertutup yang diadakan malam tadi.

Bercakap kepada pemberita selepas persidangan khas meluluskan pindaan perlembagaan, beliau berkata mereka diberi penjelasan terperinci mengenai pindaan itu, termasuk soal 10 undi tambahan bagi calon Presiden dan Timbalan Presiden sekiranya mendapat undi terbanyak daripada bahagian dalam pemilihan pucuk pimpinan parti.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, suasana perjumpaan itu tidak tegang, tetapi ada yang menyuarakan di segi kemungkinan timbul tuduhan seperti parti kurang demokratik.

Seperti yang dikatakan oleh Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba di perjumpaan khas petang ini, Umno akan lebih demokratik kerana pemilihan membabitkan ahli di peringkat bahagian dan tidak ditentukan hanya oleh lebih 1,500

perwakilan, katanya.

Menurutnya, jika boleh Umno hendak memberi peluang kepada semua ahli terbabit dalam proses pemilihan, tetapi ini akan menimbulkan kerumitan.

"Selain itu, mungkin timbul ahli yang diragui. Oleh itu perkara seperti ini akan dapat ditentukan di peringkat bahagian dan sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan pemilihan akan dapat dikurangkan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebelum ini bukan tidak pernah perlembagaan parti dipinda, malah Perlembagaan negara juga dipinda.

Encik Ghafar yang turut gembira dengan keputusan yang dibuat oleh perwakilan itu pula berkata, beliau memang menduga pindaan perlembagaan parti akan diluluskan.

Beliau berkata, keputusan itu juga membuktikan mereka mengutamakan perpaduan dan sedar penyakit yang dihadapi oleh parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, keputusan itu adalah satu petanda baik bagi masa depan Umno.

"Ini membuktikan perwakilan mengutamakan kepentingan kestabilan parti dan perpaduan," katanya.